

STRATEGI PEMBELAJARAN DAN TAHAP MEMORI PELAJAR SEKOLAH TAHFIZ WILAYAH PERSEKUTUAN

LEARNING STRATEGIES AND MEMORY LEVEL OF TAHFIZ STUDENTS IN THE FEDERAL TERRITORY

Muhammad Taufiq Mazlan & Harun Baharudin *

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*harunbaharudin@ukm.edu.my **

ABSTRACT

Memorization of the Quran was a key element in tahfiz education. Its effectiveness highly depended on the learning strategies employed by students. However, there was still a lack of research specifically examining the extent to which learning strategies influenced the memory levels of tahfiz students, particularly in the context of the implementation of the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) in Malaysia. Therefore, this study was conducted to explore the learning strategies used by secondary school students in the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) based on SPI No. 1 KPM 2016 and to examine its relationship with their memory levels. This study employed a quantitative survey design using a questionnaire involving 346 students from three schools under the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) program in Kuala Lumpur and Putrajaya. The instruments used were the Strategy Inventory for Language Learning (SILL) for learning strategies and the Questionnaire of Memory (Q-MEM) for students' memory levels. Data were analyzed using SPSS version 27 through descriptive analysis, t-tests, and correlation analysis. The findings indicated that metacognitive strategies were the primary strategy in Quran memorization (mean=3.88; sd=0.68), while the memory level of tahfiz students was at a high level (mean=3.75; sd=0.54). The study found no significant relationship between learning strategies and students' memory levels ($r=-0.04$; $p>0.05$). These findings suggest that metacognitive strategies play an important role in Quran memorization; however, they do not directly influence students' memory levels. Therefore, tahfiz teaching approaches should emphasize other factors that may contribute to the effectiveness of memorization. Further research is recommended to explore additional factors such as motivation, revision practices, and the influence of emotions on the memory levels of tahfiz students.

Keywords: *Learning strategies, metacognitive, tahfiz al-Quran, students' memory, Integrated Tahfiz Curriculum*

ABSTRAK

Hafazan al-Quran merupakan elemen utama dalam pendidikan tahfiz. Keberkesanannya bergantung kepada strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Namun, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti hubungan korelasi antara strategi pembelajaran dan tahap memori dalam kalangan pelajar tahfiz, terutama dalam konteks pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar sekolah menengah dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) berdasarkan SPI Bil. 1 KPM 2016 serta mengkaji hubungannya dengan tahap memori mereka. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian yang melibatkan 346 murid di tiga buah sekolah yang menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Kuala Lumpur dan Putrajaya. Instrumen yang digunakan ialah *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL) bagi strategi pembelajaran dan *Questionnaire of Memory* (Q-MEM) bagi tahap memori pelajar. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 27 melalui analisis deskriptif, ujian-t, dan korelasi. Hasil kajian

menunjukkan strategi metakognitif adalah strategi utama dalam hafazan al-Quran ($\text{min}=3.88$; $\text{sp}=0.68$), manakala tahap memori pelajar tahfiz berada pada tahap tinggi ($\text{min}=3.75$; $\text{sp}=0.54$). Kajian mendapati tiada hubungan signifikan antara strategi pembelajaran dengan tahap memori pelajar ($r=-0.04$; $p>0.05$). Dapatan ini mencadangkan bahawa strategi metakognitif memainkan peranan penting dalam hafazan al-Quran, namun tidak secara langsung mempengaruhi tahap memori pelajar. Oleh itu, pendekatan pengajaran tahfiz perlu memberi penekanan kepada faktor lain yang mungkin menyumbang kepada keberkesanan hafazan. Kajian lanjut dicadangkan untuk meneroka faktor tambahan seperti motivasi, latihan ulang kaji, dan pengaruh emosi terhadap tahap memori pelajar tahfiz.

Kata kunci: *Strategi pembelajaran, metakognitif, tahfiz al-Quran, memori pelajar, Kurikulum Bersepadu Tahfiz*

PENGENALAN

Pembelajaran memori merupakan elemen penting dalam pendidikan dan kognisi manusia. Secara global, pendekatan terhadap pembelajaran memori berbeza mengikut budaya dan sistem pendidikan. Negara seperti Finland menekankan pemahaman konsep berbanding hafalan (Sahlberg, 2011), manakala sistem di China dan Jepun lebih bergantung kepada teknik penghafalan berulang (*rote learning*) (Biggs, 1996). Kajian menunjukkan bahawa strategi seperti pengulangan berselang (*spaced repetition*), mnemonik, dan teknik visual dapat meningkatkan daya ingatan (Roediger & Butler, 2011). Kemajuan teknologi juga memainkan peranan penting dalam menyokong pembelajaran berbantuan memori, yang dapat mengoptimumkan kapasiti kognitif individu (Mayer, 2014).

Dalam pendidikan Islam, khususnya dalam bidang hafazan al-Quran, memori memainkan peranan utama dalam pembelajaran. Kaedah seperti *talqin*, *muraja'ah*, dan pengulangan telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW untuk membantu pelajar mengekalkan hafazan (Ibn Kathir, n.d.). Teknik hafazan bukan sahaja mengukuhkan daya ingatan tetapi juga meningkatkan keupayaan mental dan kesihatan fizikal seseorang (Ismarulyusda Ishak et al., 2021). Seiring dengan perkembangan teknologi, penggunaan aplikasi digital dalam hafazan al-Quran semakin berkembang bagi menyokong pembelajaran dan pemantapan memori pelajar (Safinah Ismail et al., 2023).

Di Malaysia, pendidikan tahfiz menghadapi cabaran dalam memastikan pelajar bukan sahaja menghafaz tetapi juga mengekalkan hafazan mereka dalam jangka masa panjang (Mohd Firdaus & Mohd A' Tarahim, 2019). Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bertujuan memperkukuh sistem pendidikan tahfiz dengan menggabungkan hafazan al-Quran, akademik, dan pembangunan sahsiah. Namun, masih terdapat kekurangan kajian mendalam mengenai hubungan antara strategi pembelajaran dan daya ingatan pelajar tahfiz. Oleh itu, kajian lanjut diperlukan bagi mengenal pasti kaedah paling berkesan dalam meningkatkan keupayaan hafazan, sekali gus membantu guru, pihak sekolah, dan pembuat dasar memperkasa sistem pendidikan tahfiz di Malaysia.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar tahfiz serta tahap memori mereka dalam hafazan al-Quran serta meneliti hubungan antara strategi pembelajaran dengan tahap memori pelajar. Dengan memahami strategi yang paling berkesan dalam meningkatkan daya ingatan pelajar tahfiz, dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan dalam merangka pendekatan pengajaran yang lebih efektif. Hasil kajian diharap dapat memberi panduan kepada pihak berkepentingan dalam merangka strategi pengajaran yang lebih efektif. Diharapkan hasil kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan pendidikan tahfiz di Malaysia.


TINJAUAN LITERATUR

Strategi pembelajaran merujuk kepada teknik dan kaedah yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh, menyimpan, dan mengaplikasikan maklumat secara berkesan. Dalam konteks pendidikan tahfiz, strategi pembelajaran memainkan peranan penting dalam membantu pelajar menghafal dan mengingat ayat-ayat al-Quran. Kajian oleh Oxford (1990) mengklasifikasikan strategi pembelajaran kepada strategi kognitif, memori, metakognitif, afektif, sosial, dan kompensasi, di mana pelajar tahfiz lebih cenderung menggunakan strategi kognitif seperti ulangan dan mnemonik (Azmil Hashim, 2015). O'Malley & Chamot (1990) pula menekankan strategi metakognitif yang melibatkan perancangan dan pemantauan hafalan, selain strategi sosial-afektif seperti *talaqqi* dan *musyafahah*. Kajian Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain (2023) menekankan 3 proses hafazan al-Quran iaitu sebelum, semasa dan selepas mengikut kaedah yang sesuai.


Dari segi teori, Model Pemprosesan Maklumat oleh Atkinson dan Shiffrin (1968) menjelaskan bagaimana maklumat diproses dalam memori deria, memori jangka pendek, dan memori jangka panjang, di mana ulangan berterusan membantu penyimpanan jangka panjang. Teori Kognitif Pembelajaran Sosial oleh Bandura (1986) pula menekankan pembelajaran melalui pemerhatian dan pemodelan, yang sering diamalkan dalam sistem pendidikan tahfiz melalui *talaqqi* dengan guru. Selain itu, Teori Beban Kognitif oleh Sweller (1998) menyarankan penggunaan teknik seperti *chunking* dan visual ayat untuk mengurangkan beban kognitif dan meningkatkan kecekapan hafalan.

Memori pembelajaran merujuk kepada keupayaan pelajar untuk menyimpan dan mengambil semula maklumat yang telah dipelajari. Model Memori Kerja oleh Baddeley dan Hitch (1974) menunjukkan bahawa maklumat yang diulang akan lebih mudah disimpan dalam memori jangka panjang. Kajian oleh Ebbinghaus (1885) pula membuktikan bahawa tanpa ulangan berkala, kadar lupa meningkat secara mendadak, menyokong kepentingan *murajaah* dalam hafalan al-Quran. Teori Tahap Pemprosesan oleh Craik dan Lockhart (1972) menekankan bahawa maklumat yang diproses secara mendalam lebih mudah diingat, menjadikan pemahaman *tafsir* dan *tadabbur* sebagai faktor penting dalam hafalan jangka panjang. Selain itu, Model Multi-Store Memory oleh Atkinson dan Shiffrin (1968) menggariskan kepentingan pemindahan maklumat dari memori jangka pendek ke jangka panjang melalui latihan berulang. Teori Dual Coding oleh Paivio (1986) pula menyarankan bahawa maklumat lebih mudah diingat jika diproses dalam dua bentuk, iaitu verbal dan visual, yang boleh diaplikasikan dalam hafalan melalui penggunaan *mushaf* berwarna atau teknik *mind mapping* ayat.

Hubungan antara strategi pembelajaran dan memori pembelajaran dalam pendidikan tahfiz menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai dapat meningkatkan daya ingatan dan mengurangkan kadar lupa. Strategi metakognitif seperti perancangan hafalan, strategi kognitif seperti ulangan dan visual, serta strategi sosial seperti *talaqqi* dan *halaqah*, memainkan peranan penting dalam pemindahan maklumat ke dalam memori jangka panjang. Selain itu, teknik *murajaah* berkala berdasarkan Kurva Lupa Ebbinghaus (1885) dapat membantu mengekalkan hafalan dalam jangka masa panjang. Dengan memahami interaksi antara strategi pembelajaran dan memori pembelajaran, kaedah hafazan al-Quran dapat ditingkatkan untuk memastikan keberkesanan pendidikan tahfiz.



Rajah 1: Hubungan antara strategi pembelajaran, teori dan model kognitif, serta memori pelajar



Rajah 2: Proses pemprosesan maklumat dalam memori pelajar

Kepelbagaian kaedah pembelajaran tahfiz memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan hafazan pelajar. Antara kaedah yang digunakan termasuk membaca, pengulangan, penguasaan tajwid, penulisan (Fathiyah Mohd Fakhrudin et al., 2020), serta pendekatan *Talaqqi Musyafahah* dan *Takrir* (Abd Aziz Abdullah et al., 2021). Suasana pembelajaran yang kondusif (Azihal, 2022) dan peranan guru dalam merancang aktiviti PdP yang tersusun (Mohamad Marzuqi et al., 2021) turut memberi kesan besar terhadap prestasi pelajar.

Selain itu, sistem hafazan Turki Uthmani terbukti efektif dalam mempercepat hafazan (Abd Aziz Abdullah et al., 2021), sementara teknik Kauny Quantum Memory mengoptimumkan hafazan melalui visual dan pengaitan ayat (Artati et al., 2022). Pendekatan Pembelajaran Menyeronokkan pula membantu meningkatkan motivasi dan fokus pelajar (Bertha Wikara et al., 2020). Secara keseluruhan, strategi yang berkesan bukan sahaja mempercepatkan hafazan tetapi juga menjadikannya lebih bermakna dan menyeronokkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data kuantitatif secara sistematik bagi menjawab soalan kajian dengan tepat dan objektif. Melalui reka bentuk ini, data dapat dikumpulkan daripada responden dalam jumlah yang lebih besar, membolehkan analisis statistik yang lebih komprehensif serta memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan kaedah pembelajaran tahfiz.

Populasi kajian seramai 1749 pelajar dari sekolah-sekolah menengah yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya iaitu SM Integrasi Sains Tahfiz MAIWP, SMKA Kuala Lumpur & SMKA Putrajaya. Sampel kajian terdiri daripada 346 murid yang dipilih secara rawak mengikut tingkatan (Jadual 1) dari populasi yang telah ditetapkan dalam Krejcie & Morgan (1970). Saiz sampel ini dipilih kerana ia dianggap mencukupi untuk mewakili populasi yang lebih besar (Jadual 2).

Jadual 1: Pembahagian Tingkatan

Tingkatan	Bilangan
1	69
2	69
3	69
4	70
5	69
Jumlah	346

Jadual 2: Sampel daripada populasi sekolah terlibat

Nama Sekolah	Populasi	Sampel
SMKA Kuala Lumpur	692 pelajar	136
SMA Putrajaya	677 pelajar	134
SM Integrasi Sains Tahfiz MAIWP	380 pelajar	76
Jumlah	1749 pelajar	346

Instrumen kajian terdiri daripada dua instrumen iaitu Strategy Inventory for Language Learning (Oxford, 1989) dan Questionnaire for Memory (Geurten, 2018). SILL digunakan untuk mengukur penggunaan strategi pembelajaran oleh pelajar, manakala Q-MEM digunakan untuk mengukur tahap memori pelajar. Kedua-dua instrumen ini telah disesuaikan daripada instrumen yang telah digunakan dalam kajian-kajian sebelum ini. Kesahan dan kebolehpercayaan kedua-dua instrumen ini telah diubahsuai mengikut kesesuaian dan laras bahasa responden serta telah disahkan oleh pakar dan diuji menggunakan ujian kesahihan kandungan dan analisis reliabiliti. Kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kesahihan dan kebolehpercayaan kedua-dua instrumen kajian. Analisis data kajian rintis menunjukkan bahawa kedua-dua instrumen ini adalah valid dan boleh dipercayai untuk digunakan dalam kajian.

Skor min bagi instrumen soal selidik direkodkan mengikut lima tahap iaitu tahap sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi (Cohen et al., 2002) seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Julat Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Data dikumpulkan melalui penyampaian soal selidik kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam kajian secara edaran kertas soal selidik dan murid-murid diberi masa untuk mengisi jawapan mereka. Data dianalisis menggunakan perisian statistik SPSS versi 27. Proses analisis data termasuklah pengekodan data, pemasukan data ke dalam perisian, pengukuran pemboleh ubah, dan penggunaan kaedah analisis statistik seperti analisis deskriptif dan inferensi untuk menjawab soalan kajian.

HASIL KAJIAN

Bahagian ini membincangkan hasil analisis soal selidik yang telah dijalankan, merangkumi empat aspek utama: demografi responden, strategi pembelajaran yang paling berpengaruh, tahap memori pelajar, serta hubungan antara strategi pembelajaran dan tahap memori. Perbincangan ini bertujuan menjawab persoalan kajian berdasarkan objektif utama yang telah ditetapkan.

Jadual 4: Taburan pelajar berdasarkan jantina

Jantina (n= 346)	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	159	46
Perempuan	187	54
Jumlah	346	100

Berdasarkan Jadual 4, analisis kekerapan dan peratus bagi demografi responden yang melibatkan 346 pelajar yang terdiri daripada 157 (46%) pelajar lelaki dan 187 (54%) pelajar perempuan telah dianalisis dan ditunjukkan dalam Jadual 5 seperti di bawah.

Jadual 5: Tahap Strategi Pembelajaran Pelajar

Strategi Pembelajaran	Min	Sisihan Piawai	Pengkelasan Tahap
Metakognitif	3.88	0.68	Tinggi
Sosial	3.66	0.80	Tinggi
Memori	3.50	0.60	Tinggi
Kognitif	3.23	0.57	Sederhana
Afektif	3.17	0.77	Sederhana
Kompensasi	2.92	0.74	Sederhana
Min Keseluruhan	3.40	0.52	Sederhana

Berdasarkan Jadual 5, menunjukkan bahawa strategi metakognitif adalah strategi pembelajaran yang paling berpengaruh dan paling kerap digunakan dalam kalangan pelajar dengan min skor 3.88. Strategi metakognitif merangkumi perancangan, pemantauan, dan penilaian sendiri terhadap proses pembelajaran. Dalam konteks hafazan al-Quran, penggunaan strategi ini menunjukkan bahawa pelajar lebih cenderung merancang jadual hafazan, mengawasi kemajuan mereka, serta menilai keberkesanan teknik yang digunakan. Hal ini selari dengan keperluan hafazan yang memerlukan disiplin, kawalan sendiri, dan pemahaman terhadap cara belajar yang paling berkesan bagi setiap individu.

Sebaliknya, strategi kompensasi mencatatkan min skor paling rendah iaitu 2.92, menunjukkan ia kurang digunakan oleh pelajar. Strategi kompensasi merujuk kepada teknik yang digunakan bagi mengatasi kelemahan dalam pembelajaran, seperti meneka maksud perkataan yang tidak difahami atau menggunakan bantuan luar seperti rujukan tambahan. Dalam konteks hafazan al-Quran, strategi ini mungkin kurang relevan kerana proses hafazan lebih bergantung kepada pengulangan, pemahaman mendalam terhadap ayat-ayat yang dihafaz, serta bimbingan guru berbanding dengan kaedah kompensasi seperti yang digunakan dalam pembelajaran bahasa atau subjek akademik lain.

Jadual 6: Tahap Memori Pelajar

Tahap Memori	Min	Sisihan Piawaian	Pengkelasan tahap
Pembelajaran Sengaja	3.27	0.61	Sederhana
Memori Prospektif	3.85	0.71	Tinggi
Memori Kerja	3.89	0.69	Tinggi
Pembelajaran Automatik	3.99	0.64	Tinggi
Keseluruhan	3.75	0.54	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6, menunjukkan bahawa tahap memori dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi secara keseluruhan dengan min skor 3.75. Ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kebolehan yang baik dalam menyimpan dan mengingat kembali maklumat, khususnya dalam konteks hafazan al-Quran yang memerlukan daya ingatan yang kuat dan konsisten. Dapatan menunjukkan pembelajaran automatik mencatatkan min tertinggi (3.99), menandakan pelajar mampu menghafaz ayat al-Quran secara spontan setelah latihan berulang. Memori kerja (min = 3.89) pula membolehkan pelajar menyimpan dan memproses maklumat dalam jangka masa pendek sebelum dipindahkan ke ingatan jangka panjang, yang penting dalam hafazan. Memori prospektif (min = 3.85) menunjukkan pelajar berdisiplin dalam mengingat dan merancang tugas hafazan mengikut jadual yang ditetapkan.

Namun, dapatan menunjukkan terdapat tahap sederhana dalam pembelajaran automatik (min = 3.27). Hal ini mungkin merujuk kepada perbezaan antara pelajar dalam mencapai tahap automatik sepenuhnya dalam hafazan. Ada pelajar yang memerlukan lebih banyak latihan berulang sebelum sesuatu ayat dapat dihafaz secara automatik, manakala sebahagian yang lain mungkin masih bergantung kepada teknik tertentu sebelum mencapai tahap hafazan yang lancar.

Jadual 7: Hubungan Strategi Pembelajaran Pelajar dengan Tahap Memori Pelajar

Strategi Pembelajaran		
Tahap Memori	Korelasi Pearson	-0.04
	Signifikan (2-tailed)	0.42
	N	346

Catatan: Korelasi adalah signifikan pada paras kebarangkalian $p < 0.05$

Berdasarkan Jadual 7 menunjukkan hasil ujian korelasi mendapati bahawa tidak terdapat korelasi yang signifikan antara strategi pembelajaran pelajar dengan memori hafazan pelajar ($r = -0.04$; $p > 0.05$). Nilai korelasi negatif yang sangat kecil ($r = -0.04$) menunjukkan bahawa apabila penggunaan strategi pembelajaran meningkat, tahap memori hafazan pelajar sedikit menurun. Namun, kesan ini sangat kecil dan tidak memberi implikasi yang bermakna dalam konteks kajian

ini. Ini menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan pelajar tidak secara langsung mempengaruhi keupayaan mereka dalam menghafaz al-Quran.

Selain itu, nilai signifikan ($p=0.42$) yang lebih besar daripada 0.05 menunjukkan bahawa hubungan ini tidak berlaku secara sistematik dalam populasi, sebaliknya berkemungkinan besar terjadi secara kebetulan. Ini bermaksud bahawa tiada bukti kukuh untuk menyatakan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan secara langsung meningkatkan atau menurunkan tahap memori hafazan pelajar.

PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi metakognitif adalah strategi yang paling berkesan dalam membantu pelajar menghafaz al-Quran dengan lebih baik dan konsisten. Ia membuktikan bahawa pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan perancangan, pemantauan dan penilaian sendiri terhadap hafazan al-Quran mereka. Ia menyokong kajian Siok Hoon et al. (2022) iaitu strategi metakognitif mampu meningkatkan penguasaan kemahiran dan kefahaman pelajar berkaitan sesuatu pembelajaran. Tahap metakognitif boleh meningkat bergantung pada kefahaman dan kesedaran individu itu sendiri terhadap sesuatu pelajaran (Flavell, 1976).

Oleh itu, pelaksanaan strategi metakognitif secara berstruktur dan konsisten adalah penting untuk meningkatkan keberkesanan hafazan al-Quran dan memupuk kefahaman metakognitif yang lebih baik di kalangan pelajar. Ini termasuklah pengajaran yang menekankan aspek perancangan, seperti menetapkan matlamat hafazan yang realistik; pemantauan, seperti menilai kemajuan hafazan secara berkala dan penilaian sendiri, seperti mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pendekatan pembelajaran mereka. Dengan pendekatan ini, pelajar bukan sahaja dapat memperbaiki hafazan mereka tetapi juga membangun kemahiran pengurusan sendiri yang lebih mantap, yang dapat dimanfaatkan dalam bidang pembelajaran lain.

Tahap memori pelajar dalam kajian ini menunjukkan bahawa memori pelajar berada pada tahap tinggi. Ini menyokong kajian Ahmad Rohi Ghazali et al. (2019) iaitu pelajar sekolah kerajaan yang mempunyai dua aliran tahfiz dan akademik mempunyai tahap kecerdasan memori yang sangat tinggi. Daya ingatan merupakan faktor penting dalam kejayaan hafazan al-Quran (Ishak et al., 2020).

Hasil ujian korelasi menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara strategi pembelajaran dengan memori hafazan pelajar. Ini boleh dikatakan maksud dapatan statistik adalah strategi pembelajaran tidak secara langsung mempengaruhi memori hafazan seseorang pelajar. Dengan kata lain, memori pelajar tidak akan bertambah baik atau merosot akibat penggunaan strategi pembelajaran tertentu. Namun terdapat hubungan yang negatif dan sangat lemah antara strategi pembelajaran dan tahap memori pelajar. Ini menunjukkan bahawa apabila strategi pembelajaran meningkat, tahap memori cenderung sedikit menurun, tetapi kesannya adalah sangat kecil dan hampir tidak bermakna secara praktikal.

Dapatan ini mungkin menunjukkan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan dalam kajian ini yang berpandukan model sedia ada tidak dibangunkan khusus untuk pembelajaran memori yang ketat seperti hafazan al-Quran. Kebanyakan model strategi pembelajaran memberi tumpuan kepada pemahaman konsep dan pemikiran kritis, sedangkan hafazan al-Quran

memerlukan teknik pengulangan, rangsangan deria, dan kaedah penyimpanan jangka panjang yang lebih spesifik.

Oleh itu, kajian akan datang disarankan untuk meneliti dan memilih model strategi pembelajaran yang lebih sesuai dengan konteks pembelajaran tahfiz. Pendekatan yang lebih menumpukan kepada aspek pengukuhan memori jangka panjang, kaedah pengulangan efektif, serta peranan emosi dan spiritual dalam hafazan boleh diterokai bagi memahami kesannya terhadap keupayaan memori pelajar tahfiz.

KESIMPULAN

Kajian ini mengesahkan bahawa strategi metakognitif merupakan strategi utama yang digunakan oleh pelajar tahfiz dalam hafazan al-Quran, manakala tahap memori mereka berada pada tahap tinggi. Namun, dapatan menunjukkan tiada hubungan signifikan antara strategi pembelajaran dan tahap memori pelajar tahfiz, yang mencerminkan kemungkinan adanya faktor lain yang mempengaruhi keberkesanan hafazan. Selain itu, terdapat perbezaan strategi pembelajaran berdasarkan jantina, tetapi tiada perbezaan ketara dalam tahap memori antara pelajar lelaki dan perempuan. Dapatan ini memberi implikasi kepada pendidik dan penggubal dasar untuk menilai semula pendekatan pengajaran tahfiz, dengan memberi penekanan kepada strategi metakognitif serta meneroka faktor lain yang menyumbang kepada keberkesanan memori hafazan. Kajian lanjutan dicadangkan bagi meneliti faktor tambahan yang boleh mempengaruhi memori hafazan, termasuk peranan emosi, motivasi, dan teknik pengulangan dalam proses pembelajaran tahfiz.

RUJUKAN

- Abd Aziz Abdullah, Abd.Aziz Che Ibrahim, Suhaimi Abu Hasan & Mahmood Sabtu. (2021). Sistem pembelajaran dan kaedah hafazan al-Quran: Satu kajian di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal'Ulwan*, 6(1), 80-94.
- Ahmad Rohi Ghazali, Abdussalam Mohamad, Farah Wahida Ibrahim, Normah Che Din, Nor Malia Abd Warif, Dzalani Harun, Mohd Jamil Mohd Rafaai, Faisal Ariffin, Asmariah Ahmad, Tava Shelan Nagapan & Ismarulyusda Ishak. (2019). Penentuan Tahap Logam Berat, Hafazan Al-Quran dan Kecerdasan (IQ) dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Selangor. *Jurnal Sains Kesihatan Malaysia*, 17(2), 135-146.
- Artati, Yeni Mutiawati, Hamdi Yusliani & Mardhatillah. (2022). *Strategi pembelajaran tahfiz dengan menggunakan metode Kauny Quantum Memori di SDIT Hafizul Ilmi*. Prosiding Seminar Nasional, 1-16.
- Atkinson, R. C. & Richard M. S. (1968). Human memory: A proposed system and its control processes. In *Psychology of learning and motivation. Academic press*, 2, 89-195.
- Azihal Bangsawan, Zetty Nurzuliana Rashed & Muhammad Hafiz Salleh. (2022). Faktor-Faktor Kecemerlangan Hafazan Al-Quran dalam Kalangan Pelajar Tahfiz di Sabah. *Jurnal Pengajian Islam*, 31-43.
- Azmil Hashim. (2015). Correlation between strategy of tahfiz learning styles and students performance in al-Quran memorization (Hifz). *Mediterranean Journal of Social Sciences MCSER Publishing, Rome-Italy*, 6(2), 86-93.
- Baddeley, A. D. & Hitch, G. (1974). Working memory. In G. H. Bower (Ed.), *The psychology of learning and motivation. Academic Press*, 8, 47-89.
- Bandura, A. (1986). Social foundations of thought and action. *Englewood Cliffs, NJ*, 2, 23-28.

- Bertha Wikara, Sutarno, Suranto & Sajidan. (2020). Efek pembelajaran yang menyenangkan (fun learning) terhadap kemampuan memori. *SPEKTRA: Jurnal Kajian Pendidikan Sains*, 6(2), 192-195.
- Biggs, J. B. (1996). Western misconceptions of the Confucian-heritage learning culture. *The Chinese Learner: Cultural, Psychological and Contextual Influences*, 45-67.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2002). *Research methods in education*. Routledge.
- Craik, F. I. M., & Lockhart, R. S. (1972). Levels of processing: A framework for memory research. *Journal of Verbal Learning and Verbal Behavior*, 11(6), 671-684.
- Ebbinghaus, H. (1885). *Über das Gedächtnis: Untersuchungen zur experimentellen Psychologie* (On memory: Investigations in experimental psychology). Duncker & Humblot. (Reprinted in 1913, translated by H. A. Ruger & C. E. Bussenius).
- Fakhrur Ridza Muslim, Mohd Amzari Tumiran & Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin. (2024). Pengamalan teknik hafazan al-Quran berdasarkan gender dan jenis memori: Kajian di Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) Alam Impian. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(4), 91-100.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Sharini Che Ishak, Asmawati Suhid, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Norlizah Che Hassan, Lukman Abd Mutalib & Wan Marzuki Wan Jaafar. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di Malaysia. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311-340.
- Flavell, J. H. (1976). Metacognitive aspects of problem solving. *The nature of intelligence/Erlbaum*, 231-235.
- Geurten, M., Majerus, S., Lejeune, C. & Catale C. (2018). Questionnaire of Memory (Q-MEM): A new measure of everyday memory functioning in school-age children. *Applied Neuropsychology: Child*, 7(1), 44-51.
- Ibn Kathir. (n.d.). *Tafsir Ibn Kathir*.
- Ismarulyusda Ishak, Santibuana Abd Rahman, Samhani Ismail, Farah Wahida Ibrahim, Norfathin Mohd. Khair, Nor Malia Abd Warif, Dzalani Harun, Ahmad Rohi Ghazali, Faisal Ariffin, Normah Che Din, Sabri Mohamad, Khairul Anwar Mastor & Muhammad Hafiz Mohd Haneefa. (2021). The Impact of Quran Memorization on Psychological and Health Well-Being. *Review of International Geographical Education Online*, 11, 337-344.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2016). *SPI Bil. 1 KPM: Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2023). *SPI Bil. 10 KPM: Pengukuhan Kurikulum Bersepadu Tahfiz*. Putrajaya: KPM.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size For Research Education and Phycological Measurement. *Bahagian Penyelidikan National Education Association*.
- Mayer, R. E. (2014). *The Cambridge Handbook of Multimedia Learning*. Cambridge University Press.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim, Abd Hadi Borham, Ashraf Ismail & Tengku Nur Tasnim Tengku Riduan. (2021). Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran dan Penguasaan Hafazan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 4(1), 1-14.
- Mohd Firdaus Ramli & Mohd A'Tarahim Mohd Razali. (2019). Faktor-faktor Dominan yang Mempengaruhi Tahap Hafalan al-Quran di Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu Besut. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 2(3), 34-41.

- Mohd Saleh Bin Ramli & Syed Sofian Syed Salim. (2020). Motivation and its relationship towards the achievement in quranic memorisation of tahfiz school students in Pahang. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 10(5), 822–829.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid, Abdul Aziz Mat Isa & Hamdi Ishak. (2021). Faktor pembelajaran tahfiz program huffaz profesional di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN). *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 596-605.
- Ng Siok Hoon, Saemah Rahman & Shahlan Surat. (2022). Kesan strategi metakognitif ke atas kemahiran bacaan pemahaman murid SJKC tahap 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-17.
- O'malley, J. M., & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. Cambridge University Press.
- Oxford R. (1989). *Strategy Inventory for Language Learning (SILL) Version 7.0 (ESL/EFL)*. 1-6.
- Oxford, R. & Burry-Stock, J.A. (1995). Assessing the use of language learning strategies worldwide with the ESL/EFL version of the Strategy Inventory for Language Learning (SILL). *System*, 23(1), 1-23.
- Oxford, R. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Newbury House.
- Paivio, A. (1986). *Mental representations: A dual coding approach*. Oxford University Press.
- Roediger, H. L. & Butler, A. C. (2011). The critical role of retrieval practice in long-term retention. *Trends in Cognitive Sciences*, 15(1), 20-27.
- Safinah Ismail, Nor Musliza Mustafa, Syarul Azman Shaharuddin, Mardhiah Yahaya & Khairul Syafiq Razali. (2023). Teknik hafazan al-Quran pra sekolah menerusi aplikasi digital. *e-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(2), 209-224
- Sahlberg, P. (2011). *Finnish Lessons: What Can the World Learn from Educational Change in Finland?* Teachers College Press.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain. (2023). Teori dan model bagi proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) Hifz al-Quran: Satu tinjauan literatur. *Asian Journal of Research in Education and Social Sciences*, 5(4), 193-208.
- Sweller, J. (1998). Cognitive load theory, learning difficulty, and instructional design. *Learning and Instruction*, 8(1), 22-57.